

01/04/2001

Dr Mahathir lawat Perak Jumaat

IPOH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Perak untuk menemui rakyat dan ahli serta pemimpin Umno, Jumaat ini.

Dalam lawatan itu, Dr Mahathir dijadualkan bertemu ahli jawatankuasa Bahagian Umno Parit Buntar, Bagan Serai, Parit dan Beruas selain menghadiri jamuan bersama rakyat di tiga lokasi berasingan.

Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata Dr Mahathir dijangka menyampaikan pesanan serta amanat kepada ahli Umno selain berdialog mengenai pelbagai isu dalam pertemuan yang diatur nanti.

Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di sini, malam kelmarin.

Dr Mahathir dijangka tiba melalui pesawat di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Butterworth kira-kira jam 9 pagi, Jumaat ini.

Dr Mahathir akan ke Parit Buntar bagi bertemu Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian Parit Buntar dan Bagan Serai di Dewan Merdeka, Parit Buntar.

"Selepas itu, Perdana Menteri akan menghadiri jamuan makan tengah hari bersama rakyat di Dewan Seri Kerian, Parit Buntar, sebelum menunaikan solat Jumaat di Masjid Daerah Parit Buntar," katanya.

Tajol Rosli berkata, Perdana Menteri kemudian akan bertolak ke Parit dengan menaiki helikopter serta dijangka mendarat di Padang Majlis Daerah Parit (MDP) kira-kira jam 3.15 petang.

(END)